TALKING POINTS / PRESS RELEASE

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi,
Deputy Prime Minister of Malaysia

- **MOU Signing Ceremony Between MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd. (a wholly owned subsidiary of MARA Corporation) and Honeycomb Aerospace Technologies (Beijing) Co. Ltd.**

11th September 2024 | Wednesday
10.30 am – 12:30 pm
Huang Yu Hall, Level 3, Hotel Westin Bund Center, Shanghai

KUMPULAN SYARIKAT MARA CORPORATION MENEROKA BIDANG PERNIAGAAN UAV BAGI PASARAN SERANTAU DENGAN KERJASAMA SYARIKAT UTAMA CHINA

1. MARA Corporation melalui anak syarikatnya, MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd. (M-Aerotech) sedang merencana **penerokaan bidang perniagaan baru** terutama dalam bidang kenderaan udara tanpa pemandu **(UAV)** di Malaysia untuk **pasaran serantau** menggunakan kepakaran dan pasaran yang dimiliki oleh Honeycomb Aerospace Technologies dengan turut melibatkan UniKL mewakili Kumpulan MARA Corporation.

2. Melalui lawatan kerja ke China ini, kumpulan syarikat MARA Corporation telah memeterai kerjasama dengan syarikat utama China dalam bidang UAV iaitu **Honeycomb Aerospace Technologies (Beijing) Co. Ltd.** pada 11 September 2024 bagi penerokaan perniagaan dalam bidang pemasangan, pembuatan dan pembekalan produk UAV bagi pasaran serantau.

3. Skop kerjasama yang dimeterai di dalam MOU tersebut merangkumi:

(a) Projek UAV, termasuk pemasangan, pembuatan, jualan, pembangunan pasaran serta pelaburan di dalam projek UAV **(melibatkan M-Aerotech)**;

(b) Mengambil bahagian bersama dalam reka bentuk dan pengeluaran sistem UAV jenis baharu di Malaysia **(melibatkan M-Aerotech dan Skywing UAV UniKL MIAT)**;

(c) Bekerjasama untuk memupuk bakat dan membangunkan sumber manusia untuk menjadi pakar bagi projek ini **(melibatkan Skywing UAV UniKL MIAT)**; dan

(d) Membangunkan platform untuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran serta pemindahan teknologi berkenaan dengan projek ini **(melibatkan M-Aerotech dan Skywing UAV UniKL MIAT)**.

4. Fasa 1 kerjasama ini akan melibatkan Honeycomb Aerospace melalui anak syarikatnya Simple Protech Sdn. Bhd. membangunkan fasiliti pemasangan produk UAV menggunakan fasiliti yang terdapat di kampus UniKL MIAT Sepang bagi memenuhi permintaan bagi pasaran serantau.

5. Pada masa ini, selain daripada memenuhi permintaan pasaran China, Honeycomb Aerospace turut membekalkan produk-produk UAV bagi pasaran Indonesia. Produk Honeycomb Aerospace telah digunakan secara meluas dalam pertahanan sempadan dan pantai, keselamatan pintar, pemeriksaan menyeluruh, keselamatan kecemasan, bandar pintar dan beberapa industri lain.

6. Melalui Fasa 2 kerjasama ini pula, Honeycomb Aerospace mensasarkan **pelaburan sebanyak RM100 juta** untuk pembinaan kilang pembuatan dan pengeluaran produk UAV di Malaysia dengan mensasarkan pasaran serantau yang lebih luas sehingga ke Timur Tengah.

7. Menurut kajian pasaran, kadar pertumbuhan tahunan industry UAV akan terus meningkat dan dijangka mencapai 9.9% pertumbuhan menjelang tahun 2029 dengan **nilai pasaran USD48.5 bilion**. Pasaran Asia Pasifik adalah pasaran kedua terbesar selepas Amerika Utara manakala pasaran Timur Tengah pula adalah pasaran keempat terbesar dengan pertumbuhan tertinggi disasarkan bagi sektor pertahanan dan agensi/Kerajaan.

8. Melalui kerjasama perniagaan ini, penekanan kepada **pembangunan modal insan terutamanya dalam bidang TVET** juga akan diberi penekanan dengan pembukaan peluang latihan lanjutan dan pekerjaan kepada pelajar-pelajar TVET di dalam ekosistem MARA termasuk pembangunan **"teaching factories"** dalam bidang teknologi berkaitan. UniKL melalui **Skywing UAV UniKL MIAT** akan terlibat secara langsung di dalam pembangunan dan penyediaan tenaga dan bakat yang diperlukan oleh usahasama ini.

9. Selain daripada itu, ekosistem **pembangunan vendor dan usahawan** MARA juga akan menerima manfaat dari kerjasama ini melalui penglibatan vendor tempatan di dalam pembekalan komponen dan juga lonjakan peluang pemasaran produk kepada usahawan-usahawan di bawah program Komuniti UAV MARA melalui pemindahan teknologi dan kepakaran yang diterima dari syarikat utama China ini.

TAMAT